

10/06/2003

PCC diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan

PENGERUSI Putrajaya Holdings Sdn Bhd, Datuk Mohd Hashim Hassan bersalaman dengan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman (kanan) selepas menyerahkan lukisan minyak Pending Perak sebagai simbolik penyerahan Pusat

Konvensyen Putrajaya (PCC) kepada Kerajaan Persekutuan, sambil disaksikan

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di PCC, Putrajaya, semalam.

Hadir sama Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin (kiri) dan Ketua Eksekutif Putrajaya Holdings, Datuk Mohamad Othman Zainal Azim.

PCC yang berharga RM650 juta itu dibina mengikut reka bentuk Pending Perak, iaitu kerongsang tali pinggang wanita yang dipakai golongan bangsawan pada masa dulu. Ia mempunyai keluasan lantai 135,000 meter persegi dan dilengkapi dewan pleno yang boleh memuatkan 3,000 orang pada satu-satu masa.

PCC bakal menjadi hos kepada sidang Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober ini.